

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 JULY 2017

'Tun M ada muslihat sokong Anwar jadi PM'

BH- 9/7/2017 Pg. 5

➔ Pernah singkir Ketua Umum PKR ketika dalam UMNO: Hishammuddin

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Kota Bharu

Sokongan yang ditunjukkan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim membuktikan bahawa bekas Perdana Menteri itu tidak boleh dipercayai dan mempunyai muslihat tersembunyi.

Malah, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata tindakan itu tidak masuk akal dan tidak konsisten memandangkan se-

belum ini Dr Mahathir menyingkirkan Ketua Umum PKR terbabit dengan pelbagai hujah.

"Ketika Dr Mahathir membuat keputusan menyingkirkan Anwar, saya adalah Ketua Pemuda UMNO yang terpaksa meyakinkan semua Pemuda dengan pelbagai sebab bahawa kita tidak boleh menyokong Anwar.

"Kami terpaksa meletakkan emosi, kemarahan dan kekeliruan untuk menyokong Dr Mahathir sebagai Presiden UMNO ketika itu. Beliau bercakap seperti 'tidak serupa bikin' dan saya sendiri terbabit secara langsung kerana perlu memimpin Pemuda

yang berpecah ketika itu.

Termakan kata-kata Dr M

"Mungkin mereka yang tidak terbabit ketika negara diporak-peranda oleh Gerakan Reformasi serta hujah Dr Mahathir, mungkin akan termakan (kata-kata Mahathir)," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Ketereh di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Hishammuddin melaungkan gelombang merah bersama perwakilan selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Ketereh di Sekolah Menengah Kebangsaan Kadok, semalam.

Hishammuddin yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri berkata, semua ahli UMNO tidak boleh mengambil mudah Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang, sebaliknya terus menangani kelemahan parti selain menyedarkan pengundi bahawa hanya Barisan Nasional (BN) yang berada di landasan yang betul.

Katanya, manual untuk menghadapi PRU-14 sudah disediakan bagi diterjemahkan ke peringkat bahagian, Pusat Daerah Mengundi (PDM) serta cawangan supaya dapat berdepan dengan segala ujian pada PRU nanti.



[FOTO FATHIIL ASRI/BH]